

**S:** Sebagai Naib Canselor USIM yang baharu, apakah cabaran yang dihadapi serta strategi yang digunakan?

**J:** Cabaran dan perubahan landskap pengajian tinggi adalah dinamik dan kami perlu susun atur langkah dengan rapi agar USIM masih relevan dengan perubahan, tuntutan masyarakat dan pemegang taruh peringkat pengajian tinggi. Antara cabaran yang perlu dihadapi USIM termasuk kemampuan untuk mengintegrasikan ilmu wahyu (naqli) dan akal (aqli), memupuk keserjanaan ahli akademik yang terbilang, menyediakan ekosistem penyelidikan dan inovasi yang kondusif untuk meningkatkan budaya penyelidikan pada tahap tinggi, menyediakan persekitaran bekerja dan belajar yang kondusif serta perkhidmatan yang baik.

Selain itu, kemampuan USIM untuk memastikan kelestarian kewangan, menghasilkan profil pelajar Al-Abrar, menghasilkan jaringan dengan industri, projek libat sama komuniti dan hubungan antarabangsa yang menyelerah; serta menjenama dan memposisikan universiti ini agar dekat pada hati masyarakat. Kami perlu meningkat bukan dari segi ranking, tetapi berusaha membawa USIM untuk mendapat tempat pertama di hati rakyat, ummah dan manusia sejagat. Kami akan menggunakan Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) yang menekankan keberanian untuk menceburi bidang belum pernah diterokai sesiapa bertujuan membawa impak pada negara dan manusia sejagat.

**S:** Bagaimanakah peranan USIM dalam memelopori Sains Islam?

**J:** Dalam konsep universiti sebagai gedung ilmu yang mana pengetahuan baharu ditemui, diterokai, disampaikan kepada pelajar dan kemudian dipindahkan kepada masyarakat, USIM terpacak untuk memacu nama universiti dengan memelopori Sains Islam. Jika disemak dalam Google, USIM satu-satunya universiti di Malaysia yang diharapkan

# USIM atur strategi jadi IPT unggul

untuk berdaya saing dan memacu Sains Islam. Ini merupakan "Blue Ocean" kepada kita kerana tidak ada universiti lain yang diberi pengiktirafan demikian di Internet atau kaca mata dunia perihal Sains Islam di Malaysia. Ini tidak bermakna kami harus lalai kerana banyak universiti yang akan mengambil kesempatan untuk menerajui Sains Islam walaupun nama universiti mereka tiada kaitan langsung dengan Sains Islam.

Dalam amanat Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini, beliau membuka peluang bagi universiti komprehensif berfokus seperti USIM untuk memacu bidang tujahan penyelidikan dan inovasi masing-masing bagi merebut sebahagian daripada dana khas penyelidikan berjumlah RM10 juta. Antara bidang yang dibuka untuk dibida ialah Sains Islam dan ini amat sesuai dengan USIM. Fokus diberi untuk memajukan pengajian Islam seperti seni, ilmu kemanusiaan, bahasa, sains kemasyarakatan dan pengajian Quran dan sunnah ke peringkat antarabangsa. Selain itu, memberi penekanan pada sains tulen, teknologi, ICT, sains hayat dan sains biokesihatan dan perubatan ke arah global.

Saya akui, USIM menghadapi cabaran dari segi kemampuannya untuk mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli pada kaca mata dunia. Kami juga masih belum menonjol dalam penerbitan ilmiah serta geran penyelidikan yang

mencerminkan Sains Islam. Maka, mulai tahun ini kami mengorak langkah dengan menubuhkan Institut Sains Islam (ISI) yang menggabungkan semua bidang di USIM supaya pencerahan berlaku secara ilmiah serta penyelidikan berimpak tinggi dalam menghasilkan ilmu yang bernilai lagi bermakna berpancukan Quran dan Sunnah.

USIM mahu ISI sebagai pusat kecemerlangan yang unik, berfokus dan berkualiti supaya menjadi pusat rujukan global bagi Sains Islam. Institut ini akan menggabungkan kepakaran USIM untuk melahirkan pemimpin dunia bersifat al-Abrar yang mampu memelopori Sains Islam dan menghasilkan ilmu dan inovasi yang akan mentransformasikan negara, ummah dan manusia sejagat. Ini sebagai usaha untuk melahirkan pemenang Hadiah Nobel bagi negara. Pensyarah ikon tempatan atau antarabangsa akan ditempatkan di ISI.

**S:** Apakah strategi USIM dalam menyediakan program akademik yang terbilang?

**J:** Kita menyemak kurikulum sedia ada supaya dapat melatih bakal graduan yang inovatif dan tidak gentar untuk menjadi perintis. Kami perlu melatih graduan supaya bersemangat (passionate) bukan saja untuk menimba ilmu, tetapi beru-

untuk meningkatkan budaya penyelidikan dan inovasi di USIM. Bantuan menghadiri persidangan juga disediakan. Bayaran insentif diberi untuk penerbitan dalam jurnal berindeks.

Kami memulakan Geran USIM yang membantu pensyarah dari mula menjalankan penyelidikan sehingga mampu berkerja secara berpasukan atau kluster membabitkan pelbagai disiplin. Usaha untuk mempatenkan produk penyelidikan turut diberi peruntukan. Universiti juga dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia akan memperkasakan pameran i-INNOVA (Islamic Innovations) untuk dimanfaatkan.

**S:** Satu daripada fokus USIM ialah melatih pemimpin masa depan bersifat al-Abrar. Bolehkah Prof jelaskan perkara ini?

**J:** Penubuhan USIM bertujuan melahirkan graduan menjadi cendekiawan, profesional mahupun pemimpin Islam masa depan yang cemerlang dan dibaluti jiwanya dengan nilai murni (al-Abrar). Mereka akan melihat kepentingan masya-

kepada masyarakat melalui libat sama mereka dalam menyelesaikan masalah masyarakat menggunakan ilmu dipelajari. Pengalaman sedemikian akan menjadikan mereka sebagai rakyat yang menyumbang kepada pembangunan negara.

**S:** Apakah perancangan USIM dalam memajukan Program Permata Insan?

**J:** Program ini bertujuan melahirkan ilmuan, saintis dan pemikir Islam yang agung yang mungkin menjadi pemenang Anugerah Nobel, sekaligus dapat mengembalikan zaman kecemerlangan ilmu dalam kalangan umat Islam. Modal insan ini perlu dipupuk dan landasan kerjayanya perlu dijaga supaya sentiasa diberi peluang untuk dilonjakkan ke tahap yang paling tinggi. Kami mencari pelajar yang berpotensi untuk digilap dalam bidang sains dan teknologi, tetapi tidak kurang hebatnya dalam al-Quran dan Sunnah. Kerajaan memberikan komitmen untuk membina sekolah yang akan dijennamakan sebagai 'kolej' dalam kampus USIM bagi Program Permata Insan (Tingkatan 1 hingga 5) dan pembinaan dijangka bermula Jun ini.

Pengambilan pelajar pintar pertama disasarkan pada 2015. Apabila siap, kolej ini mampu menawarkan persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kondusif kepada pelajar yang berteraskan penghayatan al-Quran dan Sunnah. Pelajar terbaik selepas Tingkatan 5 akan ditempatkan di universiti unggul di dunia melalui program Gerak Pintar Nobel anjuran KPT. Sebahagian lain boleh dimasukkan ke program kompetitif USIM dan melakukan pascasiswazahnya di ISI atau mana-mana fakulti di USIM. Setelah tamat pengajian doktor falsafah, mereka boleh ditempatkan di ISI dan membangunkannya menjadi pusat rujukan global bagi Sains Islam.

**S:** Apakah harapan Prof dalam mengemudi hala tuju USIM ke arah lebih gemilang?

**J:** Saya meletakkan harapan agar warga USIM bertekad mengambil tanggungjawab bersama, mengemudikan bersama dan bekerjasama dalam semua usaha dan perancangan bagi membina kegemilangan USIM pada masa depan. Idea di atas terkandung dalam pelan strategik untuk menentukan arah tuju USIM yang dirancang atas platform transformasi berstruktur bagi tempoh 2013-2025. Ia berpandukan misi Universiti yang bertekad menjadi pusat rujukan Sains Islam global dan melahirkan pemimpin al-Abrar yang mampu menghasilkan ilmu dan inovasi untuk mentransformasikan negara, ummah dan manusia sejagat.



paya menjadi pekerja sendiri (self employed) dan menggajikan orang. Kurikulum yang mengajar graduan untuk memberi dan berjasa pada komuniti dan manusia sejagat yang memiliki sifat al-Abrar. Pendek kata, kami harus menyediakan kurikulum yang mementingkan sains dan teknologi (hardware), seni sains kemasyarakatan dan sains sosial (software) dan galbu (heartware).

Penawaran program akademik USIM secara 'global classroom' dilihat sebagai kaedah inovatif yang mampu meningkatkan kebolehsaingan program akademik USIM di luar negara. Meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa serta memperluas jaringan dan hubungan dengan institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan di luar negara bertujuan menaja pendapatan universiti.

**S:** Apakah strategi untuk meningkatkan aktiviti Penyelidikan dan Inovasi?

**J:** Dalam meningkatkan kegemilangan penyelidikan dan inovasi, kami tidak boleh lari daripada tiga faktor iaitu, penerbitan, harta intelek dan bakat (staf akademik, pascasiswazah dan pascadoktoral). Persekitaran yang kondusif perlu disediakan untuk pensyarah bagi membantu mereka menyerlah dalam penyelidikan dan inovasi. Penyelidikan tidak boleh terserlah sekiranya pascasiswazah tidak diperkasakan. Oleh itu, kami menyediakan kemudahan (enablers)

**T**anggal 1 Disember lalu mencatat sejarah bagi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila menerima wanita pertama di universiti itu. Prof Dr Asma Ismail yang pernah bertugas sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Sains Malaysia mempunyai kepakaran dalam bidang sains dan teknologi diberi kepercayaan untuk membawa USIM ke peringkat global. Ikuti inti pati perancangan dalam amanat Tahun Baharu 2013 beliau, baru-baru ini.

rakat melebihi kepentingan diri. Mampu mendampingi cabaran kerana mempunyai penganan dan kefahaman yang kukuh kepada al-Quran dan Sunnah.

Maka, USIM akan mewujudkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti dengan menggerakkan kepakaran dan infra fizikal universiti untuk mentransformasi masyarakat. Pendekatan baharu melalui platform IM4U Outreach yang bakal diwujudkan di USIM akan dioptimumkan untuk menambah pengalaman pelajar dan memperteguh tanggungjawab sivik mereka

GAMBAR HIASAN

